

| | | | |
|------------|-----------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Durian Day tawar harga RM5 sekilo | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 08 Aug 2019 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 107,609 |
| Page No | 22 | Readership | 322,827 |
| Language | Malay | ArticleSize | 263 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,246 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,738 |



Durian Day tawar harga RM5 sekilo



ISHAK ISMAIL (tiga dari kiri) menunjukkan durian terbaik kepada pengunjung ketika melawat gerai jualan durian di Kuala Terengganu, semalam.

KUALA TERENGGANU 7 Ogos - Ribuan penggemar buah-buahan tempatan khususnya durian tidak melepaskan peluang menyerbu pekarangan Pejabat FAMA negeri di sini hari ini sempena pelancaran program *Durian Day* bermula pukul 8 pagi ini.

Para peminat raja buah itu kelihatan berada di lokasi lebih awal iaitu kira-kira pukul 7 pagi lagi bagi memastikan mereka tidak terlepas peluang menikmati harga buahan jauh lebih murah berbanding di pasaran.

Dianggarkan kira-kira 76 metrik tan pelbagai jenis buahan termasuk kira-kira 40 metrik tan durian dijual di situ dan program *Jualan Anak Beranak*

tersebut ternyata mendapat sambutan cukup menggalakkan.

Majlis perasmianya disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Ishak Ismail. Yang hadir sama, Pengarah FAMA Terengganu, Fauzi Mohamed.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Ishak melahirkan keterujaan dengan sambutan hangat daripada penggemar durian untuk merebut peluang membeli raja buah itu pada harga jauh lebih murah.

Beliau memberitahu, harga durian kampung yang dibawa dari Pahang, Kelantan, Johor dan Terengganu ditawarkan RM5 sekilogram berbanding

harga biasa RM15 sekilogram.

"Hari ini kita dapati sambutan sangat menggalakkan, seramai lapan usahawan jualan buahan segar dan 15 usahawan produk berasaskan durian dan program kali kedua ini mendapat sambutan sangat luar biasa.

"Harga yang ditawarkan sangat murah iaitu RM5 sekilogram berbanding harga biasa RM15 sekilogram, kita kena ucap tahniah kepada usahawan-usahawan kita yang turut serta dan harga ini sangat murah kerana buahan ini mereka (usahawan) bawa terus dari kebun," katanya.

Selain durian, turut dijual di situ antaranya manggis, duku Terengganu, dokong, cempedak dan rambutan.